

## Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

**From:** Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif & Seni Persembahan  
**Sent:** 19 Mac 2017 16:43  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** SCIMPA TALK DAN LATIHAN PRAKTIKAL MENGENDALIKAN STUDIO RADIO DIGITAL



**Pusat Pengajian  
Pengurusan Industri Kreatif  
dan Seni Persembahan**  
SCHOOL OF CREATIVE INDUSTRY MANAGEMENT AND PERFORMING ARTS  
**Universiti Utara Malaysia**

19 MAC 2017 / 20 JAMADILAKHIR 1438H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum/ Salam Sejahtera

Tuan/Puan/Saudara/Saudari

### SCIMPA TALK DAN LATIHAN PRAKTIKAL MENGENDALIKAN STUDIO RADIO DIGITAL



**SCIMPA Online** - Persatuan Inovatif Kreatif (CIA) di bawah Pusat Pengajian Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) Universiti Utara Malaysia telah menganjurkan Program 'SCIMPA TALK' dan 'Latihan Praktikal Mengendalikan Studio Radio Digital' bertempat di Dewan Seminar SMMTC pada 7 Mac 2017. Program 'SCIMPA TALK' ini dihadiri oleh pelajar program Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif (BCIM), staf akademik dan pentadbiran SCIMPA. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar BCIM dalam bidang industri kreatif yang mempunyai empat major khusus iaitu Filem, Muzik, Animasi dan Media Interaktif. Ceramah disampaikan oleh pensyarah-pensyarah dari setiap major berkenaan bagi menjelaskan secara terperinci berkaitan major tersebut.

Program 'Latihan Praktikal Mengendalikan Studio Radio Digital' anjuran CIA dan Inasis Tenaga Nasional menampilkan Aeryl AF, Zahid AF dan Rhys William serta beberapa krew dari pihak Astro yang bertujuan untuk memberi pengetahuan dan peluang kepada para pelajar yang meminati bidang penyiaran radio dan wawancara. Program ini dilaksanakan dalam dua (2) sesi iaitu sesi Latihan Praktikal Mengendalikan Studio Radio Digital serta sesi Uji Bakat Penyampai Radio dan Pengacara TV telah mendapat sambutan hangat di kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia.

Sekian.

=====

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
06010 UUM SINTOK  
KEDAH DARUL AMAN  
TEL.: 04 - 928 6451/6454  
FAKS : 04 - 928 6455  
scimpa.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.